



TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**LAWATAN KERJA
YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI
KE ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

TARIKH | MASA:

24 JANUARI 2024 (RABU) | 3.00 PETANG

TEMPAT:

IBU PEJABAT PERTAHANAN AWAM

Terima kasih saudara/ saudari
pengacara majlis.
Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. Menjangkau **72 tahun usia Angkatan Pertahanan Awam Malaysia** atau **APM** sememangnya ia bukan nama yang asing bagi saya. Tahun 2016 merupakan satu titik permulaan bagi tugas **APM** yang lebih mencabar dan besar peranannya. Awal mula, bertindaknya sebagai **Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana** diperingkat **Negeri dan Daerah**.

2. Saya masih ingat, APM dahulu dikenali sinonim dengan panggilan JPAM. **Semasa saya menjadi Menteri di Kementerian Dalam Negeri (KDN) ketika itu, APM adalah jabatan dibawah tanggungjawab saya, dan saya jua lah yang membuat keputusan meletakkan APM di Jabatan Perdana Menteri (JPM) kerana saya percaya dan yakin APM akan lebih menonjol bila berada di JPM sepertimana yang ada pada hari ini.**

3. Oleh itu, **saya amat berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Setia, Datuk Aminurrahim Bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya APM dan seluruh warga kerja APM kerana menjemput saya ke Majlis Lawatan Kerja bagi menyampaikan amanat ke arah memperkasa fungsi dan peranan APM pada petang ini.**

KOMITMEN APM

Hadirin sekalian,

4. Kita sentiasa mengambil iktibar dan melakukan penambahbaikan daripada apa yang telah berlaku pada tahun lalu dan tahun-tahun sebelumnya seperti rentetan bencana berterusan termasuk kejadian tanah runtuh di Batang Kali, Selangor dan melihat bagaimana anggota Pasukan Khas Pertahanan Awam atau Paspas memainkan peranan utama dalam operasi SAR tersebut.

5. Kita juga telah melihat penglibatan Pasukan Khas Pertahanan Awam (PASPA) APM ini bersama-sama pasukan SMART menjalankan mandat negara dalam operasi SAR kejadian gempa bumi di Turkiye. Saya berharap semua penglibatan operasi APM ini dapat menjadi pemangkin untuk APM terus berusaha dengan lebih kuat lagi bagi menimba pengalaman dan menerokai pengetahuan terkini demi manfaat kepada kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara.

6. Ini semua adalah bukti komitmen yang tinggi dan kualiti kerja warga APM, saya amat berpuas hati dan berbangga dengan pencapaian APM. Saya berharap momentum kecemerlangan dan kesungguhan ini dapat diteruskan pada tahun 2024 ini dan tahun-tahun mendatang. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga APM!

INISIATIF BAHARU PEMERKASAAN APAM

- 7. Saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, dan sebagai Menteri yang mengawal selia dan bertanggungjawab terus kepada APM termasuk NADMA kini, Insya Allah saya mendengar dan melihat keperluan untuk memperkasakan peranan APM ini dan sangat prihatin dengan sebarang prakarsa untuk memelihara kebajikan para warga APM keseluruhannya.**

8. Alhamdulillah, kepentingan APM sentiasa mendapat perhatian Kerajaan, tahun ini kita telah memperoleh **peningkatan peruntukan sebanyak RM20 juta yang diberikan kepada APM daripada RM174 juta pada tahun lalu kepada RM194 juta pada tahun ini.** Ini membuktikan keprihatinan pihak Kerajaan Perpaduan dalam memperkasa fungsi dan peranan APM.

9. Saya juga berpuas hati dan mengucapkan jutaan terima kasih dengan apa yang telah

dilaksanakan oleh Yang Berhormat Datuk Armizan Mohd Ali Menteri di Jabatan Perdana Menteri, (Hal Ehwal Sabah, Sarawak & Tugas-Tugas Khas), Menteri yang bertanggungjawab kepada APM sebelum ini, yang telah memainkan peranan yang besar menaikkan imej APM.

10. Saya juga telah mendengar sedikit taklimat berkaitan penugasan pengoperasi SIGAP APM. SIGAP APM ini diperkenalkan supaya dapat mengurangkan penolakan kes dan memastikan kesiapsiagaan

serta kesejahteraan awam berada pada tahap optimum. Menerusi arahan ini, anggota APM layak untuk dibayar elaun bagi penugasan maksimum 2 jam sehari. Kaedah yang digunakan terbahagi kepada 2 iaitu:

- i. Pertama, tindak balas proaktif dengan meyampaikan perkhidmatan segera. Dalam hal ini warga APM akan bertindak apabila berhadapan sebarang kes di luar waktu tugas**

hakiki dengan memberi bantuan segera kepada mangsa dan melaporkan kepada pegawai setelah selesai tugas; dan

- ii. Kedua, Pusat Kawalan Operasi memberi arahan pekhidmatan segera kepada petugas, dalam hal ini pusat kawalan menerima panggilan insiden atau kes dan memberi arahan tindak balas kepada petugas yang yang berkemahiran di luar waktu penugasan**

mereka berhampiran dengan kawasan insiden untuk bertindak. Kaedah ini sangat jelas menunjukkan bahawa APM sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan masyarakat dalam memastikan pengurangan risiko, kecemasan dan bencana terhadap rakyat.

11. Disamping penugasan pengoperasi SIGAP APM yang diperkenalkan, saya juga dimaklumkan terdapat 19

inisiatif APM yang telah dirangka, diperkenal serta disenaraikan bagi pelaksanaan di seluruh negara. Namun terdapat lima (5) inisiatif yang menarik perhatian saya dan menyokong inisiatif yang amat sesuai ini dapat dilaksanakan pada tahun 2024 ini, iaitu **Teratak Kecemerlangan Komuniti Siaga, Agen Siaga Rumah Ibadat (ASRI), Plet Rentan Bencana, Skuad Ihsan dan Lestari Siaga.**

12. Inisiatif ini adalah selari dan bertepatan dengan keputusan yang telah saya umumkan semasa sesi Bengkel Pemukiman Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) pada 13 Januari lepas bahawa **Tertinggi KKDW telah bersetuju untuk bersama-sama dengan semua ahli Majlis Mesyuarat Pengurusan APM, menyarung pakaian segaram biru oren APM, menjalani latihan dan siap sedia untuk berkhidmat turun ke lapangan untuk memberi bantuan, tenaga dan apa jua yang diperlukan**

semasa operasi bencana berlaku.

- 13. Saya juga telah mengarahkan semua peringkat atasan dan pucuk pimpinan tertinggi di KKDW hinggalah ke peringkat bawah akar umbi untuk dilatih dan menjadi pegawai dan anggota APM termasuk 64,000 orang yang akan dilantik nanti untuk menjadi pegawai dan anggota APM yang terdiri dari kalangan Ketua Kampung, Ketua Masyarakat, Tok Batin dan juga di kalangan Ketua Peneroka Felda seluruh negara.**

14. Mereka inilah yang akan menjadi pemerhati hadapan dan akan memberi maklumat kepada agensi penyelamat seperti APM sekiranya berlaku bencana setempat dan juga dalam masa yang sama mereka akan bertindak untuk memberi bantuan awal sebelum pasukan penyelamat lain sampai ke komuniti mereka. Kita akan berusaha untuk bekalkan mereka dengan latihan ilmu pertahanan awam dan juga peralatan logistik penyelamat yang asas untuk mereka gunakan dan bertindak

semasa bencana.

15. Bagi merealisasikan inisiatif ini, **peruntukan perbelanjaan Kerajaan dalam pelaksanaan adalah hanya memerlukan kos perbelanjaan sebanyak RM805 ringgit seorang, bagi melahirkan atau membentuk seorang ketua masyarakat yang berpengetahuan dalam ilmu pengurusan kecemasan dan bencana setempat** bermula dari pendaftaran sebagai anggota APM, hadir menjalani sesi latihan yang dijadualkan dan sehinggalah mampu mengaplikasikan strategi

pengurusan di peringkat komuniti sendiri.

16. Dengan perbelanjaan sebanyak itu, Kerajaan percaya ianya akan dapat melahirkan ketua yang mahir dalam pengendalian pengurusan bencana dan mewujudkan sebuah komuniti setempat yang berdaya tahan menghadapi bencana dan mampu mengurangkan risiko kehilangan nyawa atau kecederaan dalam sebarang kes kecemasan atau bencana sementara menunggu pasukan penyelamat tiba ke tempat kejadian serta memberi

impak yang positif kepada komuniti selaras dengan hasrat Kerajaan mewujudkan rakyat yang berdaya tahan atau *resilient* terhadap bencana.

KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BENCANA

Hadirin sekalian,

17. Kerajaan Perpaduan melalui agenda MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri akan terus melihat kepada keperluan rakyat

terutamanya kesiapsiagaan menghadapi bencana yang diterajui oleh agensi-agensi berwajib seperti APM dan lain-lain agensi Kerajaan. Pelbagai latihan kesiapsiagaan telah dilaksanakan serta diperkasa agar rakyat dapat terus menikmati kehidupan yang sejahtera

18. Oleh itu saya mahukan peranan semua pihak untuk memahami dan mencorak hala tuju yang lebih mampan, bukan sahaja dapat mengurangkan kesan kemusnahan harta benda dan

implikasi kepada ekonomi negara akibat bencana; tetapi juga yang paling berharga adalah nilai nyawa yang dapat diselamatkan bagi memastikan kesinambungan sesebuah negara.

19. Buktinya, pada September tahun lepas di Negeri Johor, saya sendiri bersama dengan APM dan Nadma telah melancarkan satu program MADANI Siaga, program ini objektifnya adalah untuk memperkasa dan memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan komuniti dan masyarakat. Rakyat akan

diberikan latihan dan platform yang sewajarnya agar dapat berbakti kepada komuniti masing-masing. Selain APM, pelbagai badan sukarelawan daripada pihak Kerajaan, swasta mahupun NGO diwujudkan agar rakyat dapat bersama-sama dengan pihak Kerajaan untuk terus membantu kepada yang memerlukan.

20. Sebab itu juga **saya mahu kita mewujudkan program MADANI Siaga yang memberi tumpuan kepada memperkasa kesiapsiagaan awam selain**

menggalakkan masyarakat menyertai aktiviti-aktiviti yang diperkenalkan oleh APM bagi meningkatkan kesukarelawanan dalam diri masyarakat setempat.

21. Saya percaya, program seperti ini menunjukkan bahawa Kerajaan Perpaduan kini sentiasa bersedia untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat agar mereka dapat tidur lena tanpa perlu bimbang keselamatan nyawa dan harta benda kerana semua pihak dapat bertindakbalas dan responsif apabila berlaku sesuatu yang

tidak dijangka.

22. Justeru, **saya amat menghargai dan prihatin dengan apa juga usaha atau komitmen APM yang berteraskan rakyat**, kerana kita mahu rakyat mempunyai kesedaran awal dengan nilai yang positif, terlatih dan bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan, prihatin apabila melihat kesusahan orang lain dan mempunyai peribadi mulia dan dipandang tinggi. Saya berkeyakinan penuh bahawa APM bersama-sama dengan NADMA mampu menerapkan

semua elemen ini dalam kalangan rakyat.

23. **Saya berharap agar APM lebih proaktif dalam memberi latihan kepada rakyat melalui aktiviti kesukarelawanan atau program-program yang telah dirancang kepada anak-anak, ibu bapa dan semua masyarakat berkaitan peranan dan tanggungjawab yang memberi tindakan awal kecemasan kalau ahli keluarga cedera atau pengsan atau apa yang boleh dilakukan apabila berdepan dengan situasi**

kecemasan atau kemalangan.

TRANSFORMASI APM MENYOKONG AGENDA MADANI

24. Dalam merancang setiap program, aktiviti, dan latihan yang akan dilaksanakan nanti, **saya menyeru APM selaraskannya agar tonggak utama dan 6 teras konsep Malaysia MADANI dapat diserap dan diterapkan dalam setiap elemen pertahanan awam.** Saya mahu agar panduan dan kerangka dasar pembangunan negara,

kemakmuran dan saling hormat menghormati dapat dimartabatkan kembali.

25. **Saya ingin menzhahirkan penghargaan kepada APM yang telah mengorak langkah dan memperkasakan hala tuju, fungsi dan peranan yang telah digariskan dalam Dekad Platinum Pertahanan Awam (DPPA) (2022-2032) yang telah diperkenalkan tahun sebelum ini. Saya mahu empat (4) teras utama yang telah digariskan perlu digerakkan segera dan**

dipergiatkan secara menyeluruh iaitu:

- i. **Pertama**, merakyatkan peranan dengan fungsi asas APM melalui **memberi latihan dan melengkapkan rakyat dengan ilmu asas pertahanan awam** dalam kesiapsiagaan menghadapi kecemasan, bencana dan ancaman musuh dalam keadaan sebelum bencana, semasa bencana dan selepas bencana;

- ii. **Kedua**, memperkasakan peranan APM dalam fungsi pengurusan bencana sebagai tonggak gerakan di akar umbi bersesuaian dengan peranan APM sebagai Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Negeri dan Daerah melalui **Program MADANI Siaga 221 (Kampung Angkat APM)** yang bermatlamat untuk memupuk kesedaran dan melatih penduduk kampung atau komuniti

dalam mendepani bencana dan kecemasan setempat.

- iii. **Ketiga**, memperkukuhkan organisasi APM di semua peringkat dalam **menambah baik skim perkhidmatan bagi pegawai dan kakitangan** yang lebih kompetitif, sekali gus melonjakkan profesionalisme sumber manusia; dan
- iv. **Keempat**, mempertingkat **pengiktirafan, kemampuan, keupayaan**

dan kemahiran anggota-
anggota APM,
terutamanya Pasukan
Khas Pertahanan Awam
(PASPA) dalam
melaksanakan tugas
operasi mencari dan
menyelamat (SAR)
bencana yang kompleks
secara lebih sistematik dan
efisien yang mampu
memberi pekhidmatan
cemerlang dalam kerja-kerja
menyelamat berbagai
bentuk situasi kecemasan di
darat, hutan, air mahupun

bersifat *urban*. Ini termasuk **meningkat dan menambah pemilikan aset-aset cangih dan terkini APM melalui perolehan aset yang lengkap yang merupakan aspek penting yang perlu diberikan keutamaan.**

26. Pada masa yang sama, **saya mengajak seluruh warga APM untuk melihat kepada transformasi pemerksaan perkhidmatan melalui pelan tindakan yang komprehensif**

dan berpaksikan kepentingan rakyat. Saya ingin melihat penglibatan rakyat dalam setiap program membentuk komuniti yang responsif, bertanggungjawab, serta siapsiaga menghadapi apa jua keadaan.

27. Dalam pepatah Melayu ada menyebut **'sediakan payung sebelum hujan'**, untuk menyediakan rakyat yang terlatih dan siap siaga sebagai 'payung' ketika berhadapan dengan situasi bencana, **saya melihat terdapat**

tiga (3) cabaran yang perlu dihadapi iaitu pemikiran, sikap dan tabiat atau cara hidup rakyat.

28. Saya tahu, usaha ini bukanlah sesuatu yang mudah, tetapi jika kita dapat mengatasinya, Insya-Allah, itulah keberhasilan terhadap usaha transformasi yang kita lakukan, impaknya bukan sahaja terhadap APM, tetapi juga kepada Kerajaan Perpaduan keseluruhannya.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

29. Sebelum berakhir, saya berharap usaha murni APM dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat akan mendapat sokongan penuh daripada kita semua. Saya juga secara peribadi akan berusaha memastikan kedudukan aset APM dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa termasuk memenuhi kebajikan seluruh anggota APM.

30. Tahniah dan syabas kepada seluruh warga APM di atas komitmen dan kesediaan untuk memastikan pengurusan bencana negara dapat diuruskan dengan sebaik-baiknya dan menjamin keharmonian dan kesejahteraan komuniti agar terus terpelihara.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.